

| | |
|-----------|------------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 25 FEBRUARY 2017 |

Lawatan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud mulai Ahad ini

Kukuhkan hubungan

Um - 25/2/2017

Oleh **SOFIAN BAHAROM**
sofian.baharom@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 24 FEB.

MALAYSIA dan Arab Saudi akan menandatangani beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) baharu semasa lawatan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud ke negara ini yang bermula Ahad ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, salah satu daripadanya adalah melibatkan perjanjian antara kedua-dua syarikat milik Malaysia dan Arab Saudi iaitu Petroliaam Nasional Bhd. (Petronas) dan Saudi Aramco, yang bakal memberi manfaat kedua-dua negara serta rakyatnya.

"Malaysia dan Arab Saudi berkongsi hubungan persaudaraan yang erat. Kita berasa berbesar hati kerana Raja Salman memilih Malaysia sebagai negara Islam pertama serta negara pertama di rantau ini untuk dilawati baginda sejak menaiki takhta."

"Perhubungan spiritual antara kedua-dua negara bermula sejak berabad lamanya. Bagi umat Islam Malaysia, Arab Saudi merupakan tanah dua masjid suci iaitu tanah paling suci dan tempat mengerjakan ibadah haji," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Raja Salman akan mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada Ahad ini sehingga 1 Mac depan atas jemputan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V.

Mengulas lanjut, Najib yang



NAJIB TUN RAZAK

juga Menteri Kewangan berkata, perdagangan dua hala antara kedua-dua negara telah meningkat sejak beberapa tahun sebelum ini dan pada tahun lalu sahaja, ia menyaksikan peningkatan sebanyak 27.8 peratus melibatkan jumlah nilai keseluruhan sebanyak RM13.99 bilion.

Katanya, Arab Saudi hari ini merupakan salah satu daripada rakan perdagangan terbesar Malaysia.

"Pelaburan Arab Saudi di Malaysia dijangka mewujudkan ribuan pekerjaan dan kita bangga kerana firma-firma Malaysia telah dipilih untuk melaksanakan projek di antara lokasi-lokasi yang paling berprestij di Arab Saudi.

"Ini termasuk pelaksanaan operasi dan penyelenggaraan



RAJA SALMAN ABDULAZIZ AL-SAUD

tren Al Mashaaer Al Mugaddasah Makkah Metro Southern Line di Mekah yang khusus digunakan untuk jemaah haji serta mengusahakan Jambatan Jamarat serta kawasan-kawasan sekitar di Mina.

"Adalah menjadi satu kebanggaan bagi rakyat Malaysia apabila menjadi sebahagian daripada pasukan yang mereka bentuk Menara Hotel Jam Diraja Mekah yang menghadap Masjidil Haram," katanya.

Najib berkata, kemesraan hubungan antara kedua-dua negara juga dicerminkan dengan kedatangan 100,000 pelawat dari Arab Saudi pada tahun lalu di samping pelajar Malaysia dan Arab Saudi mendapat manfaat daripada pengajian di kedua-dua negara.

Malaysia dan Arab Saudi berkongsi hubungan persaudaraan yang erat. Kita berasa berbesar hati kerana Raja Salman memilih Malaysia sebagai negara Islam pertama serta negara pertama di rantau ini untuk dilawati baginda sejak menaiki takhta."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Kata beliau, Malaysia turut berbangga bahawa Arab Saudi dan Malaysia telah bekerjasama erat dalam mengekalkan kesejahteraan dan kepimpinan kepada ummah secara keseluruhannya.

"Komitmen kukuh kita dalam melawan ekstremisme telah dicetuskan daripada kepercayaan kepada sikap toleransi, kesederhanaan dan keamanan Islam yang sebenar.

"Lawatan Raja Salman mengesahkan satu perkongsian dan persaudaraan yang dibina berasaskan nilai amanah serta saling menghormati yang akan memberi contoh kepada dunia Islam dan dunia secara amnya, demi manfaat kepada rakyat, rantau dan dunia kita bersama," katanya.